



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

KPWKM KOMITED JAYAKAN AGENDA KESEJAHTERAAN OKU DALAM PEMBANGUNAN NEGARA

PUTRAJAYA, 18 JULAI – Pada hari ini, YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah menghadiri Sesi Libat Urus bersama Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK) dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) Orang Kurang Upaya (OKU) yang dianjurkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) di Dewan Perdana Nur, KPWKM.

Sesi libat urus yang melibatkan 150 PSK dan NGO OKU ini menjadi wadah komunikasi dua hala antara pihak Kementerian bersama PSK dan NGO OKU. Libat urus ini juga membantu meningkatkan kefahaman penyampaian perkhidmatan yang disediakan bagi melancarkan pelaksanaan pelbagai dasar serta pelan tindakan KPWKM. Melalui libat urus ini, KPWKM mendapat input secara langsung daripada pihak PSK dan NGO OKU berkaitan isu melibatkan golongan OKU sekali gus mencari resolusi terbaik untuk OKU mendepani pelbagai cabaran.

Sehingga akhir bulan Jun 2023, statistik pendaftaran OKU yang direkodkan melalui Sistem Maklumat Orang Kurang Upaya (SMOKU) JKM, bilangan OKU berdaftar adalah seramai **657,904 orang**. Daripada bilangan ini, seramai **430,345** atau **65.4 peratus** adalah OKU lelaki dan **227,559** atau **34.6 peratus** adalah OKU perempuan. Sejumlah **245,916 orang** atau **37.3 peratus** adalah OKU pembelajaran yang merupakan bilangan yang tertinggi diikuti dengan OKU fizikal iaitu **225,040 orang**. Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mencatatkan lebih daripada **23.7 peratus** daripada keseluruhan populasi OKU di Malaysia.

KPWKM komited untuk meningkatkan kesejahteraan serta melindungi dan menjaga kebajikan selain memastikan pembangunan dan pemeraksanaan OKU selaras dengan rukun Ihsan iaitu sifat ambil berat dan peduli selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI.

Turut hadir dalam majlis ini YBhg. Datuk Dr. Maziah bt Che Yusof, Ketua Setiausaha KPWK dan YBrs. Encik Norazman Othman, Ketua Pengarah Kebajikan Malaysia.

###

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA & MASYARAKAT
18 JULAI 2023**